

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN TAWARAN/SEBUTHARGA
PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PUSAT L3),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

BILANGAN SEBUTHARGA : L3C/B00405/2021-2022/13

TARIKH TUTUP & HARI : 29 JANUARI 2022 (SABTU) JAM : 8.30 PAGI

| BILANGAN | KETERANGAN |
|----------------------------------|---|
| 1) Penyertaan | <p>Penyertaan adalah dibukakan kepada Syarikat/Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam</p> <p>Syarikat / Pembekal yang ingin mengikuti tawaran/sebutharga ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Sijil Pendaftaran (<i>Section 16 & Section 17</i>) atau ○ Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X) yang masih sah • Berdaftar dengan TAFIS dan mempunyai pengetahuan/pengalaman menggunakan sistem <i>E-Invoice</i> |
| 2) Butiran | <p>Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang disediakan dengan memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang Sebutharga disikan dengan betul dan terang • Setiap halaman dicop dengan nama Syarikat/Pembekal (ruang petak yang bertanda ‘Cop Syarikat’/‘<i>Company’s Stamp</i>’) • Keterangan maklumat sebutharga (Keterangan sebutharga dari Syarikat/Pembekal) hendaklah ditaip (<i>type-written</i>) atau ditulis dengan jelas dan kemas dalam ruangan yang disediakan • Jika pihak Syarikat/Pembekal tidak dapat / tiada memberikan sebutharga, sila nyatakan ‘Tidak ada sebutharga’ / ‘<i>No Quote</i>’ / ‘<i>No Offer</i>’ • Maklumat yang diberikan di dalam Borang Sebutharga hendaklah sah dan benar • Sebarang pindaan (<i>amendments</i>) / kesalahan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong, ditandatangani ringkas dan dicop dengan nama syarikat. Penggunaan apa-apa bentuk pepadam adalah TIDAK dibenarkan |
| 3) Tempoh Sahlaku Tawaran | <p>Tempoh sahlaku sebutharga diberikan hendaklah Minima Enam (6) Bulan dari tarikh tutup sebutharga seperti dinyatakan dalam Borang Sebutharga</p> |

| | |
|---|--|
| <p>4) Borang Sebutharga & Pembayaran</p> | <p>Syarikat/Pembekal yang berminat untuk menyertai tawaran/sebutharga ini adalah dikehendaki untuk mengisi Borang Penyertaan secara atas talian (online) melalui pautan: https://tinyurl.com/you7nk92f dan membuat pembayaran secara online sebanyak BND\$5.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap projek melalui aplikasi BIBD Mobile.</p> <p><u>NOTA</u> Untuk membuat pembayaran secara online, pihak Syarikat / Pembekal bolehlah menghubungi pihak Unit Kewangan dan Perolehan di talian +673 2346201 ext 111 atau emel: finance.l3c@moe.gov.bn untuk mendapatkan tatacara pembayaran.</p> <p>Selepas pembayaran dibuat, salinan resit ataupun ‘screenshot’ pembayaran bagi setiap projek hendaklah terlebih dahulu diemel oleh pihak Syarikat/Pembekal yang berminat ikut serta tawaran/sebutharga tersebut kepada finance.l3c@moe.gov.bn untuk tujuan mengesahkan pembayaran.</p> <p>Resit Pembayaran, Borang Sebutharga dan dokumen yang berkaitan akan dihantar kepada pihak Syarikat/Pembekal sebaik sahaja pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3) menerima salinan resit ataupun ‘screenshot’ pembayaran Syarikat/Pembekal tersebut.</p> |
| <p>5) Dokumen-Dokumen Untuk Disertakan</p> | <p>Syarikat / Pembekal hendaklah menyertakan borang dokumen-dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Sijil Pendaftaran (<i>Section 16 & Section 17</i>) atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X) |
| <p>6) Tempat Menghantar</p> | <p>Borang sebutharga yang lengkap (<i>hardcopy</i>) dan dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas (Bilangan 5) mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan dihantar sebelum tarikh tutup iklan ke:</p> <p>Tingkat 1 (Peti Surat Sebutharga), Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3), Jalan 10 Selatan, RPN Lambak Kanan, BC2315, Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Tawaran yang lewat diterima dari Tarikh Tutup dan Jam yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.</p> |
| <p>7) Pertanyaan</p> | <p>Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Program dan Penyertaan, Pusat L3 di Talian +673 2346201, Sambungan 112 atau Emel: estate.l3c@moe.gov.bn</p> |